

# Malaysia teliti cadangan AS

UM 1 AUG 2002

KUALA LUMPUR 31 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan meneliti cadangan Amerika Syarikat (AS) yang berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi menyelaras segala aktiviti anti keganasan di rantau ASEAN.

Perdana Menteri berkata, buat masa ini kerajaan masih belum mempunyai maklumat terperinci mengenai cadangan itu yang kemukakan oleh Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Colin Powell semalam.

Menurut beliau, kerajaan sememangnya bersedia memerangi keganasan yang dilihat wujud di Malaysia sendiri serta di selatan Filipina.

“Kita telah memberikan komitmen bahawa kita akan menentang keganasan dan kita akan memainkan peranan kita,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan program ‘Utamakan Keluarga — Semakin Hari Semakin Sayang’ anjuran Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini, hari ini.

Dr. Mahathir diminta mengulas cadangan Powell itu yang dinyatakan semasa pertemuannya dengan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar di Wisma Putra semalam.

Berdasarkan cadangan itu, Syed Hamid dipetik sebagai berkata, pusat tersebut akan dikendalikan secara bersama oleh pegawai dari kedua-dua buah negara.

“Ia seperti sebuah institut yang menjadi tempat perbincangan dan pertimbangan,” katanya.

Kata Syed Hamid, cada-

ngan itu adalah satu lagi usaha ke arah meningkatkan lagi kerjasama dalam pelbagai bidang antara kedua-dua buah negara.

Ujar beliau, delegasi Powell turut kagum dengan peranan Malaysia memimpin negara ASEAN dan Asia dalam membantenteras keganasan.

Malah, jelas beliau, delegasi AS juga berpendapat Malaysia telah memainkan peranan yang amat positif dalam usaha memerangi kegiatan penggan-